



KENYATAAN MEDIA

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2021/05/16 - 62

PEMAKLUMAN PENDAFTARAN NOMBOR CUKAI PENDAPATAN MELALUI E-DAFTAR DAN PENETAPAN SERTA PERTUKARAN **PREFIX BAHARU BAGI PEMBAYAR CUKAI INDIVIDU DARIPADA SG & OG KEPADA IG**

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa mulai 18 Mei 2021 pendaftaran nombor cukai pendapatan bagi pembayar cukai kategori Koperasi (CS), Pertubuhan (F), Badan Amanah (TA), Unit Amanah / Amanah Harta Tanah (TC), Amanah Perniagaan (TN) dan Amanah Pelaburan Harta Tanah / Tabung Amanah Harta (TR) boleh dilakukan secara dalam talian iaitu melalui perkhidmatan e-Daftar yang boleh dicapai menerusi pautan <https://edaftar.hasil.gov.my/>. Sebagai rekod, perkhidmatan e-Daftar pada ketika ini hanya terhad kepada pendaftaran pembayar cukai Individu (SG & OG), Syarikat (C), Perkongsian (D), Majikan (E) dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PT).

Mulai 18 Mei 2021 juga LHDNM akan melaksanakan penetapan *prefix* baharu bagi pembayar cukai individu iaitu daripada *prefix* SG dan OG kepada *prefix* IG. Proses penetapan *prefix* ini melibatkan dua (2) fasa iaitu bagi fasa pertama ia akan dilaksanakan terhadap pembayar cukai individu yang baharu didaftarkan melalui sistem LHDNM.



/LHDNM



@LHDNMOfficial



LHDNM



LhdnTube

Manakala fasa kedua pula akan melibatkan pertukaran *prefix* bagi pembayar cukai individu yang sedia ada secara berperingkat mulai 18 Mei 2021. Pertukaran *prefix* ini tidak akan melibatkan sebarang perubahan terhadap nombor cukai pendapatan inividu yang sedia ada dan tarikh akhir pengemukaan Borang Nyata bagi individu juga adalah kekal iaitu 30 April setiap tahun bagi individu yang tidak menjalankan perniagaan dan 30 Jun setiap tahun bagi individu yang menjalankan perniagaan.

Pertambahan kategori pembayar cukai yang boleh didaftarkan melalui perkhidmatan e-Daftar ini merupakan salah satu inisiatif di bawah Transformasi Hasil (TH) sebagai usaha berterusan LHDNM untuk meningkatkan mutu perkhidmatannya kepada pembayar cukai. Manakala penetapan dan pertukaran *prefix* SG dan OG kepada IG bagi pembayar cukai individu pula dapat memudahkan pengurusan pembayar cukai dan mengelakkan kekeliruan dalam kalangan pembayar cukai individu.

Sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan perkara ini boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara),
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>;



#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21695/21674/21663 | ☎ : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 16 Mei 2021



/LHDNM



@LHDNMofficial



LHDNM



LhdnTube

Muka surat 3 daripada 3